

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 5 OGOS 2020 ( RABU )**

**SOALAN**

**PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [ SANDAKAN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Kerajaan tidak melaksanakan cadangan seperti yang disajikan dalam Report of The Commission of Enquiry On Immigrants In Sabah untuk menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin dan anak-anak tanpa kewarganegaraan di Sabah tetapi sebaliknya merancang untuk mengeluarkan lebih banyak IMM13.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan daripada syor Suruhanjaya Siasatan Diraja (Royal Commission of Inquiry - RCI) Mengenai Pendatang Asing di Sabah, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS). Jawatankuasa tersebut bertanggungjawab untuk mengkaji dan membincangkan isu berkaitan pendatang dan orang asing termasuk anak-anak tanpa kewarganegaraan di Sabah.

Bagi cadangan agar IMM13 digunakan untuk menggantikan Kad Burung-Burung dan Sijil Banci yang dipegang oleh pendatang dan orang asing di Sabah, ianya sedang diperhalusi secara strategik dan akan diteliti oleh JKPWAS bagi memastikan usaha untuk mendokumentasikan golongan berkenaan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Cadangan strategi pendokumentasian warga asing termasuk anak-anak tanpa kewarganegaraan di Sabah menggunakan suatu dokumen keimigresenan sedia ada seperti IMM13 adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang sedia ada bagi memastikan semua warga asing termasuk Pendatang Tanpa Izin mempunyai suatu dokumen perjalanan yang sah.

Hal ini adalah amat penting bagi membolehkan Kerajaan menentukan hala tuju selanjutnya Pendatang Tanpa Izin di Sabah seperti pengusiran ke negara asal. Justeru itu, selaras dengan pentadbiran Kerajaan kini, platform JKPWAS dijangka akan diteruskan dengan objektif dan matlamat yang sama sebagai salah satu usaha Kerajaan dalam menguruskan isu-isu warga asing di negeri Sabah dan keselamatan negeri Sabah secara keseluruhannya.